

Ulasan Buku/*Book Review*

UMNO ERA MAHATHIR oleh Chamil Wariya.
Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1988

UMNO sejak Datuk Seri Dr. Mahathir Muhammad menjadi teraju utama selaku Presidennya yang kelima bermula daripada Julai 1981 hingga ke hari ini melalui perkembangan dan pergolakan yang sedikit berbeza sifatnya jika dibandingkan dengan keadaannya di masa-masa lalu. Oleh kerana hakikat ini, maka penulisnya Chamil Wariya merasakan bahawa detik-detik perkembangan dan pergolakannya perlu dirakamkan mulai dari sekarang tanpa menunggu tamatnya tempoh Dr. Mahathir memegang jawatan sebagai Presiden UMNO.

Oleh itu, saya berpendapat bahawa buku *UMNO Era Mahathir* adalah rakaman separuh penggal keadaan UMNO semasa di zaman Mahathir. Apabila Mahathir menamatkan tempohnya sebagai Presiden UMNO, Chamil Wariya terpaksa menulis satu lagi buku dengan tajuk yang sama untuk memberikan pandangan secara menyeluruh dan lebih kritis tentang kejayaan, atau kegagalan Mahathir memimpin UMNO.

Buku yang mengandungi sembilan bab dan setebal 255 muka termasuk Indeksnya merupakan satu rakaman yang terperinci mengenai UMNO di zaman Mahathir. Bab pertama memberi gambaran sepintas lalu mengenai UMNO sejak ia ditubuhkan hingga ke hari ini dengan kenyataan bahawa sepanjang hayatnya UMNO sentiasa menghadapi krisis atau pergolakan. Tetapi biasanya keadaan ini dapat dibendung dan UMNO kekal sebagai sebuah parti politik yang terkuat di Malaysia kerana kesepaduan sokongan terhadapnya daripada umat Melayu.

Bab dua merakamkan bermulanya 'haluan baru' atau reformasi kepada pentadbiran kerajaan dan politik yang diperkenalkan oleh Mahathir. Antaranya termasuklah prinsip BCA (Bersih, Cekap dan Amanah), mempercepatkan waktu selama setengah jam, Dasar Pandang ke Timur, Dasar Kependudukan 70 Juta, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam, dan memasukkan dua tokoh penting tetapi kontroversial dalam kabinetnya iaitu Anwar Ibrahim dan Daim Zainuddin.

Penerimaan masyarakat khususnya di kalangan pemimpin-pimpinan UMNO dan pegawai kerajaan terhadap dasar-dasar baru Mahathir ini tidaklah seragam. Ramai yang menerima dasar-dasar ini dan menganggapnya sesuatu yang radikal dan boleh membawa Malaysia masuk ke zaman yang lebih menyakinkan. Tetapi ramai juga yang tidak bersetuju dan menganggap bahawa dasar-dasar baru ini sebagai beban yang berat untuk dipulih dan sukar dilaksanakan.

Tetapi pada keseluruhannya, kepimpinan dan 'haluan baru' Dr. Mahathir ini disambut baik lebih-lebih lagi apabila Dr. Mahathir diregukan dengan Datuk Musa Hitam selaku timbalannya yang juga

tergolong dalam angkatan yang radikal dan dinamis dalam UMNO; sehingga slogan Pentadbiran 2M (Mahathir dan Musa) dianggap sebagai sesuatu yang manis, paling sesuai, dan menjanjikan satu kejayaan yang tinggi.

Bab tiga merakamkan kejayaan yang amat besar yang dicapai oleh UMNO dan Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum tahun-tahun 1982 dan 1986. Kejayaan ini bukannya kerana kelemahan pihak lawan seperti PAS dan DAP tetapi kerana rakyat mempunyai keyakinan yang penuh terhadap pimpinan 2M dengan slogan menifestonya 'Bersih, Cekap dan Amanah' (1982) dan 'Tradisi Membela Rakyat' (1986). Malah dalam kedua-dua pilihanraya ini, PAS menggunakan pelbagai taktik dan serangan yang amat agresif terhadap kewujudan dan falsafah perjuangan UMNO itu sendiri dengan menggunakan Islam sebagai senjata yang tajam. DAP pula memainkan jarumnya untuk membakar semangat perkauman masyarakat Cina yang kian gelisah akibat daripada kejayaan Dasar Ekonomi Baru yang dianggap sebagai mengancam monopoli mereka terhadap sektor ekonomi di negara ini; serta Dasar Pendidikan dan Kebudayaan Kebangsaan yang dianggap cuba menghakis identiti asal mereka sebagai orang Cina.

Bab empat ditumpukan khusus kepada cadangan untuk mengembangkan sayap UMNO ke Sabah yang pernah dibincangkan dengan begitu ghairah tetapi kemudiannya tidak berjaya dilaksanakan. Perbincangan bab empat ini disusuli oleh bab lima yang secara terperinci merakamkan masalah yang melanda UMNO di bawah pimpinan Mahathir. Ia seolah-olah anti-klimaks kepada keghairahan rakyat yang sebelumnya telah menerima pimpinan 2M sebagai dua tokoh yang ideal yang belum pernah dialami di masa lalu. Pergolakan yang hebat yang membawa kepada perpecahan tidak lain dan tidak bukan disebabkan oleh krisis antara dua pucuk pimpinan itu sendiri iaitu Mahathir dan Musa di mana satu dikatakan memandang ke timur dan satu lagi masih berkiblat ke Barat; atau satu menuju ke Khutub Utara dan satu lagi ke Khutub Selatan. Walaupun tokoh utama yang menentang Mahathir ialah Tengku Razaleigh, tetapi jika Tengku Razaleigh bersendirian tanpa disokong oleh Datuk Musa dan pengikut-pengikutnya saya kira tidak mungkin UMNO terbelah dua seperti keadaannya sekarang ini.

Sementara bab lima memperkatakan krisis yang dihadapi oleh Dr. Mahathir kerana pergolakan dan perpecahan di kalangan pemimpin UMNO itu sendiri, bab enam yang bertajuk 'Mempertahankan Ketuanan Melayu' memperlihatkan beberapa cabaran daripada bukan Melayu terhadap kepimpinannya selaku Perdana Menteri dan Pengurus Barisan Nasional. Sama seperti UMNO, MCA juga menghadapi perpecahan dalam parti yang agak serius sehingga ia mengancam kepimpinan Mahathir. Secara yang tersirat, tetapi ini tidak dijelaskan oleh Chamil Wariya, orang Cina dan India juga mulai merasa bimbang dengan kedudukan mereka

akibat daripada dasar-dasar Mahathir yang agak agresif di dalam usaha beliau mempertahankan ketuanan Melayu.

Bab tujuh merakamkan dilemma yang dihadapi oleh Dr. Mahathir akibat daripada krisis dalam UMNO dan tentangah bukan Melayu terhadap pimpinannya manakala bab lapan menyorot detik peristiwa yang mengakibatkan matinya UMNO lama dan lahirnya UMNO baru yang masih terus dilanda krisis. Dilemma Mahathir semakin parah kerana dalam era kepimpinannya, ekonomi dunia merosot ke paras yang paling rendah. Mahathir sendiri dikatakan bertanggungjawab terhadap krisis ekonomi yang dihadapi oleh Malaysia.

UMNO Era Mahathir bukan sekadar merakamkan dengan secara terperinci sejarah UMNO selama tujuh tahun (1981-1988) tetapi juga menyorot dasar-dasar baru kerajaan di bawah pimpinan Mahathir yang melahirkan harapan yang tinggi di kalangan rakyat jelatanya. Buku ini juga memberi gambaran yang jelas tentang perkembangan politik Barisan Nasional dan cabaran terhadapnya. Cuma lebih menarik dan tentunya sesuai untuk dijadikan bahan rujukan di peringkat universiti jika Chamil Wariya dapat memuatkan juga data-data statistik mengenai keputusan pilihanraya umum 1981 dan 1986 serta keputusan pilihanraya negeri Sabah dan komposisi etnik di negeri itu yang ada kaitannya dengan keputusan sama ada UMNO perlu ke Sabah atau di sebaliknya.

Satu kekuatan pada buku ini ialah Chamil Wariya telah dapat mempertahankan imej kewartawanannya sebagai penulis yang tidak memihak di samping dapat mengumpul dan membentangkan rakaman peristiwa yang terperinci seperti lakunya seorang penyelidik yang terdidik dalam disiplin sains sosial. Saya yakin buku ini akan diterima sebagai dokumentasi sejarah yang akan dirujuk oleh para mahasiswa dan sarjana yang ingin mengetahui pergolakan politik di Malaysia dalam dasawarsa 80-an.

Wan Hashim Wan Teh

Institut Bahasa, Kesusastraan & Kebudayaan Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi

Selangor D.E., MALAYSIA